


ANUGERAH INOVASI PERDANA MENTERI 2017

"Inovasi Menunjangi Aspirasi TN50"

Disempurnakan oleh:
YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia



Najib menyampaikan Anugerah Inovasi Perdana Menteri kepada Ketua Pegawai Eksekutif MRT, Datuk Seri Shahril Mokhtar (tiga dari kanan) di Putrajaya, semalam.

Najib syor agensi kerajaan tubuh Pusat Inovasi Nilai

➔ Langkah percepat proses jana idea baharu ke peringkat NBOS

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak mencadangkan supaya setiap agensi kerajaan menubuhkan Pusat Inovasi Nilai (VIC) bagi mempercepatkan proses penjaanaan idea baharu untuk diketengahkan sehingga ke peringkat Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Perdana Menteri berkata, melalui VIC, proses penjaanaan untuk inovasi yang lebih berjaya dalam pentadbiran kerajaan akan berlaku dengan lebih meluas dan pantas.

Katanya, VIC antara faktor kejayaan pengeluaran jenama elektro-

nik dari Korea Selatan, Samsung sehingga syarikat itu mampu menjadi jenama ikonik yang kini menakluk dunia.

"VIC ini boleh dijadikan acuan dalam kerajaan. Pelengkap kepada idea penubuhan VIC ini, fungsi dan peranan Unit Inovasi sedia ada perlu dimantapkan dengan mewujudkan (jawatan) Ketua Pegawai Inovasi di setiap kementerian atau jabatan.

Gerak agenda inovasi

"Ketua Pegawai Inovasi ini akan memainkan peranan penting dalam menggerakkan agenda inovasi sektor awam secara lebih berstruktur dan terancang," katanya ketika menyampaikan ucap tama pada Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2017 dengan

tema 'Inovasi Menunjangi Aspirasi TN50' di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Zainal Rahim Seman dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Datuk Dr Mazlan Yusoff.

Perdana Menteri berkata, segala aspirasi besar negara tidak mungkin dapat dicapai tanpa inovasi sebagai unsur utama, justeru ia perlu terus dilaksanakan di setiap sektor bagi mencapai matlamat di bawah Transformasi Nasional 2050 (TN50).

"Saya ingin supaya inovasi ini dilipatgandakan supaya menjadi bu-

daya dan diinstitusikan dalam sistem pentadbiran negara," katanya.

Pada majlis terbabit, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama AIPM 2017 melalui inisiatif 'MRT: Ikonografi Tadbir Urus Pengurusan Projek Ideal'. Kemenangan melayakkan syarikat itu membawa pulang hadiah utama wang tunai RM1 juta, trofi dan sijil.

Tempat kedua dimenangi Kementerian Pengajian Tinggi melalui inisiatif 'Soaring Upwards: Memartabatkan Sistem Pendidikan Tinggi Negara Di Persada Global', yang membawa pulang wang tunai RM300,000 dan sijil.

Tempat ketiga dimenangi Kementerian Pendidikan dan Yayasan AMIR melalui inisiatif 'Sekolah

Amanah Melengkap Transformasi Pendidikan Negara', yang membawa pulang wang tunai RM200,000 dan sijil.

AIPM terima 111 penyertaan

AIPM anjuran MAMPU diperkenalkan pada 2009 sebagai galakan dan pengiktirafan terhadap usaha pencapaian inovasi kecemerlangan organisasi sektor awam yang menyumbang kepada kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara.

Pada tahun ini, sebanyak 111 penyertaan diterima daripada kementerian, jabatan Persekutuan dan negeri, agensi Persekutuan dan negeri, pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri, universiti dan kolej awam, pihak berkuasa tempatan serta syarikat berkaitan kerajaan.